

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL.1/2023**

**LANJUTAN TEMPOH PEMAKAIAN KAEDAH PEMBAYARAN PREMIUM
DAN PREMIUM TAMBAHAN KE ATAS KELULUSAN PERMOHONAN
PEMBERIMILIKAN DAN PEMBANGUNAN TANAH DI NEGERI
SELANGOR.**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai pelanjutan tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016 ke atas Notis Borang 5A dan Notis Borang 7G untuk tempoh dua (2) tahun mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2024 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 32/2022 pada 7 Disember 2022 dan disahkan oleh MMKN ke 33/2022 pada 14 Disember 2022.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.1/2016 mengenai Kaedah Pembayaran Premium dan Premium Tambahan ke atas Kelulusan Permohonan Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah di Negeri Selangor telah tamat pada 31 Disember 2022.
- 2.2 MMKN ke 32/2022 pada 7 Disember 2022 dan disahkan oleh MMKN ke 33/2022 pada 14 Disember 2022 telah meluluskan untuk melanjutkan pemakaian Pekeliling 1/2016 bagi tempoh dua (2) tahun lagi mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2024.


3. KAEDAH PEMBAYARAN PREMIUM DAN PREMIUM TAMBAHAN

- 3.1 Kaedah bayaran premium dan premium tambahan dikekalkan mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016.

Bil.(7) dlm.PTGS/CR 01/00/2000 Jld.12

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini hendaklah dipatuhi semua Pentadbir Tanah Derah dan dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2016.
- 4.2 Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta sehingga 31 Disember 2024.



(DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Tarikh :